

BAB EMPAT

BAB EMPAT

MUT'AH DALAM AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

4.1 PENDAHULUAN

Menurut peruntukan di bawah Jadual ke 9, Senarai 2 Butiran 1, Perlembagaan Persekutuan, perkara-perkara mengenai agama Islam adalah terletak di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Negeri. Justeru itu, undang-undang yang berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah undang-undang negeri di Malaysia dan mazhab yang diikuti ialah mazhab al-Syāfi'ī.¹

Dalam mazhab al-Syāfi'ī, seseorang isteri yang tidak bersalah, boleh diceraikan tanpa persetujuannya tetapi pihak suami hendaklah mengadakan peruntukan *mut'ah* atau bayaran pampasan untuk diberi kepada pihak isteri. Sehubungan dengan itu, peruntukan mengenai *mut'ah* ada diperuntukan di dalam seksyen mana-mana enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1984. Walau bagaimanapun, bidang kajian untuk tinjauan statut dan kes-kes yang dinyatakan dalam bab ini adalah terhad kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Di mana sesuai, rujukan akan di buat kepada kes-kes serta peruntukan-peruntukan tertentu dalam statut-statut tempatan dan negara Islam yang lain.

4.2 *MUT'AH* DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Dalam Perlembagaan Persekutuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi penganut agama Islam serta lain-lain aspek undang-undang Islam yang diperuntukkan adalah termasuk di bawah senarai 2 - senarai Negeri. Bagi mentadbir undang-undang Islam yang diperuntukan ini, kerajaan-kerajaan Negeri telah mewujudkan enakmen Keluarga Islam masing-masing. Di Wilayah Persekutuan, Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' (Selangor) 1952 (No. 3 Tahun 1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syara') 1974, telah diterima pakai pada awalnya. Setelah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 diwartakan, Enakmen tersebut telah diberhentikan pemakaiannya.

Setiap enakmen dan akta undang-undang keluarga Islam ada diperuntukkan mengenai *mut'ah*. *Mut'ah al-talāq* ialah sebarang bentuk pemberian yang diberikan oleh suami kepada isterinya sebagai ganti terhadap kemungkinan isteri akan terdedah kepada kesempitan hidup dan lain-lain kemudaran. Di kalangan masyarakat Melayu, *mut'ah* difahami sebagai bayaran saguhati yang munasabah kepada isteri yang diceraikan. Manakala, di dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1987, *mut'ah* didefinisikan sebagai:

“Pemberian yang wajib atas suami kepada isteri kerana bercerai dengan syarat-syarat yang tertentu mengikut Hukum Syara”.

Enakmen-enakmen negeri yang lain juga turut memberikan pengertian *mut'ah* kepada maksud yang sama seperti di atas². Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh membuat tuntutan *mut'ah* di mana-mana Mahkamah pada bila-bila masa selepas sahaja perceraian seperti mana yang boleh dilakukan ke atas harta sepencarian dan nafkah anak kecuali telah mendapat persetujuan di antara kedua pihak yang disempurnakan dihadapan Pendaftar³.

Peruntukan mengenai *mut'ah* di setiap enakmen negeri-negeri dan akta bagi Wilayah Persekutuan tidak banyak berbeza di antara satu sama lain kecuali

dari segi pembahagian seksyen dan sedikit dari aspek penyusunan ayat. Secara umumnya, peruntukan *mut'ah* di dalam enakmen adalah seperti berikut:

“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syara”⁴.

4.3 MUT'AH DALAM AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, pengertian *mut'ah* ialah bayaran saguhati yang diberi dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan.⁵ Peruntukan tersebut dinyatakan pada seksyen 56, yang berbunyi:

“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami supaya membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syara’.

Secara umumnya, definisi dan peruntukan *mut'ah* dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 adalah serupa sahaja sebagaimana definisi dan peruntukan *mut'ah* dalam enakmen negeri-negeri yang lain. Umpamanya dalam seksyen 44 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983 di Kelantan, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985, seksyen 56 Enakmen Keluarga Islam Selangor 1984, seksyen 52 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 1984, seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987, dan seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979 turut mempunyai peruntukan yang sama. Cuma, satu kenyataan yang jelas ialah peruntukan-peruntukan tersebut tidak menyatakan kadar *mut'ah* sama ada dari segi minima mahupun maksima. Dalam kes Norizam binti Mohd Lazim lwn Halim Azman bin Haji Sulaiman⁷, Yang Arif Kadi Besar telah merujuk kepada kitab I'ānah al-Tālibīn, juzuk 3, halaman 357 yang bermaksud:

"Sekiranya kedua-dua (suami isteri) tidak bersefahaman (bertelagah) tentang kadar bayaran *mut'ah*, Kadi hendaklah menyelesaikan mengikut budi bicaranya ..."

Oleh itu, Hakim bebas menentukan kadar *mut'ah* mengikut budibicaranya tanpa satu garis panduan yang khusus kerana tidak termaktub dalam Akta. Keadaan ini akan menyebabkan ianya terdedah kepada masalah pembahagian *mut'ah* yang adil, seragam dan konsisten. Apatah lagi konsep "dulu mengikut" tidak diamalkan oleh Mahkamah Syariah. Justeru itu, Hakim bebas berijtihad dan tidak terikat dengan keputusan kes-kes terdahulu.

Hal ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan undang-undang di Jordan (perkara 34 Undang-Undang Provisional no. 61/1976) yang mana telah mengadakan peruntukan bagi pampasan (wang *mut'ah*) yang tidak melebihi persamaan jumlah nafkah yang patut diberikan bagi tempoh satu tahun. Undang-undang di Syria (sebagaimana di pinda melalui Perkara 16 Akta No. 34/1975) mengadakan peruntukan bagi pampasan yang tidak melebihi jumlah nafkah untuk orang-orang yang setaraf dengannya bagi tempoh tiga tahun dan di Mesir pula, telah dibuat peruntukan bagi had minimum yang kena diberikan sebagai *mut'ah* dalam perkara 18 Akta No. 100/1985, yang mana pihak isteri berhak mendapat *mut'ah* tidak kurang daripada jumlah nafkah bagi tempoh dua tahun, dengan pertimbangan sewajarnya diberikan kepada kemampuan atau kesempitan kewangan suami, keadaan perceraian dan tempoh perkahwinan tersebut.⁸

4.4 PROSEDUR TUNTUTAN *MUT'AH*

Kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah terdiri daripada dua jenis. Pertama, kes-kes yang berkenaan dengan kesalahan jenayah dan yang kedua ialah kes-kes *Māi* (Sivil). Kedua-dua jenis kesalahan ini mempunyai prosedur yang sedikit berbeza antara satu sama lain. Antara kes-kes yang boleh didakwa di Mahkamah Syariah mengenai undang-undang keluarga Islam ialah setiap kes

yang diperuntukan di bawah seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu apa yang diistilahkan sebagai kesalahan-kesalahan matrimoni.

Tuntutan *mut'ah* termasuk dalam kes *Mā'*. Di Pulau Pinang, dalam kes Noor Bee lwn Ahmad Sanusi⁹, isteri yang di cerai membuat tuntutan *mut'ah* terhadap bekas suaminya sebagai tambahan terhadap tuntutan *Mā'*nya yang lain. Oleh itu, tuntutan *mut'ah* hendaklah mengikuti prosedur acara *Mā'* sebagaimana yang telah ditetapkan. Setiap isteri yang diceraikan berhak membuat tuntutan *mut'ah* ke atas bekas suaminya kecuali:

- I. Perempuan yang diceraikan sebelum bersetubuh
- II. Perempuan yang bertebus *ṭalāq (Khul')*
- III. Perempuan yang di *fasakh* nikahnya dengan *li'an*.
- IV. Perempuan yang diceraikan oleh suaminya di atas permintaannya sendiri.
- V. Perempuan yang tercerai dengan sebab keaiban yang ada pada dirinya sendiri¹⁰.

Di Wilayah Persekutuan, dalam kes Normadiyah lwn Azhari¹¹, Hakim telah merujuk kepada ayat 241, surah al-Baqarah dan pendapat dalam mazhab al-Syāfi'i yang paling sahih telah menyatakan bahawa *mut'ah* adalah kewajiban suami terhadap isterinya yang diceraikan termasuklah kepada isteri yang

diceraikan sebelum melakukan persetubuhan dan telah di bayar separuh daripada maskahwin tersebut. Manakala dalam kes Noor Bee Iwn Ahmad Sanusi¹², Hakim telah merujuk kepada kitāb Kifāyat al-Akhyār yang menyatakan bahawa perceraian secara *khul'* adalah sama seperti *ṭalāq* iaitu suami wajib memberikan *mut'ah* terhadap isterinya yang di cerai.

Hakim mempunyai kuasa menentukan kadar bayaran *mut'ah* kepada pihak isteri setelah mengambilkira kedudukan kewangan dan harta yang dimiliki oleh suami dan juga isteri. Walau bagaimanapun, tuntutan *mut'ah* hanya akan dibicarakan apabila permohonan menepati atau mengikuti beberapa prosedur yang ditetapkan sebagaimana yang termaktub dalam Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

Akta tersebut mempunyai kuatkuasa dalam semua prosiding *mā'* yang dimulakan di mana-mana Mahkamah Syariah kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau diperintahkan selainnya oleh Mahkamah¹³. Ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya tidaklah membatalkan mana-mana prosiding melainkan jika Mahkamah memerintahkan sedemikian, tetapi Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, mengetepikan mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai tidak teratur, atau memerintahkan supaya apa-apa pindaan di buat atas apa-apa terma yang difikirkannya adil¹⁴.

Namun demikian, permohonan tersebut mestilah dibuat dalam masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru selepas menyedari tentang ketidakteraturan itu.

4.4.1 PERMOHONAN PERCERAIAN

Tertakluk kepada subseksyen (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding mal di Mahkamah Syariah hendaklah dimulakan dengan saman. Dalam seksyen 7 (2) Akta Tatacara *mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 tersebut menyatakan bahawa semua prosiding berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam jadual kedua hendaklah dimulakan dengan permohonan¹⁵. Manakala, dalam seksyen 15 pula menyebut:

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian ini, sesuatu permohonan untuk mendapatkan perceraian hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, dan prosiding selanjutnya berkenaan dengannya hendaklah dijalankan mengikut Akta ini." ¹⁶

Seseorang suami atau isteri yang hendak bercerai mestilah mengisi satu borang Permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang

ditetapkan dengan lengkap. Borang ini berwarna putih dan boleh didapati secara percuma di kaunter pejabat Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Pemohon perlu mengisi butir-butir yang dikehendaki dalam borang ini di dua halaman bercetak. Ruangan No. 1 ialah mengenai maklumat pekerjaan dan latar belakang diri pemohon, No. 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9, secara ringkasnya ialah berkenaan dengan butir-butir perkahwinan, bilangan anak, perceraian, prosiding perceraian, sebab-sebab bercerai, langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian (jika ada) dan perjanjian (jika ada).

Permohonan mengenai *mut'ah* dan tuntutan di dalam borang Permohonan untuk perceraian ini ialah pada No. 10 iaitu pemohon dikehendaki menyatakan kesanggupannya untuk membayar atau menuntut bayaran *mut'ah* bersama dengan tuntutan nafkah *'iddah* iaitu berapakah nilainya dalam satu bulan, nafkah seorang anak sebulan, maskahwin tunai atau hutang sebulan dan lain-lain bayaran jika ada.

Manakala pada ruangan No. 11, 12 dan 13 dalam borang ini ialah berkaitan harta benda sepencarian, peruntukan bagi pemeliharaan dan penjagaan anak-anak (*ḥadānah*) serta butir-butir perintah yang diminta.

Sekiranya semua pihak iaitu di antara bekas suami dan isteri bersetuju mengenai bayaran atau tuntutan *mut'ah* dengan jumlah bayaran atau tuntutan

sepertimana yang ditetapkan dalam borang perceraian No. 10 (3) satu catatan akan diambil dan Mahkamah akan memerintahkan bekas suami membayar sebagai mana jumlah dan cara yang dipersetujui bersama. Prosedur ini adalah sama dengan tuntutan-tuntutan harta yang lain seperti nafkah *'iddah*, nafkah anak, maskahwin, harta sepencarian dan lain-lain bayaran jika ada.

Di samping borang tersebut ia juga mestilah disertai dengan suatu akuan mengandungi butir-butir mengenai perkahwinan, umur dan jantina anak-anak, butir-butir mengenai fakta-fakta yang memberi bidang kuasa kepada Mahkamah di bawah seksyen 45 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, butir-butir mengenai apa-apa prosiding yang dahulu mengenai hal-ehwal suami isteri antara pihak-pihak itu, suatu pernyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai, apakah langkah-langkah yang telah di ambil untuk mencapai perdamaian, syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah dan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anak, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak, pembahagian aset serta butir-butir mengenai perintah yang di minta¹⁷.

Selepas menerima sesuatu permohonan perceraian, Mahkamah hendaklah menyebabkan satu saman diserahkan kepada pihak yang satu lagi itu bersama dengan satu salinan permohonan itu dan akuan berkanun yang dibuat oleh pemohon, dan saman itu hendaklah mengarahkan pihak yang satu lagi itu hadir di hadapan Mahkamah untuk membolehkan Mahkamah menyiasat sama

ada pihak yang satu lagi itu bersetuju atau tidak terhadap perceraian itu. Peruntukan ini di buat bagi memastikan kehadiran pihak-pihak yang di saman kerana di dalam kes-kes sivil terdapat banyak pihak-pihak yang tidak menghadiri perbicaraan kerana berpendapat Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk memaksa kehadiran mereka¹⁸.

Jika kedua-dua pihak bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuashati selepas membuat penyiasatan bahawa perkahwinan itu telah pecahbelah dan tidak dapat dipulihkan lagi, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu *ṭalāq* di hadapan Mahkamah.

4.4.2 Tuntutan

Mut'ah adalah hak isteri yang diceraikan. Hak tersebut wajib ditunaikan dan akan dianggap sebagai hutang sekiranya tidak dihalalkan oleh bekas isteri. Perkara 56, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, menyatakan bahawa selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah. Peruntukan ini adalah berdasarkan Hukum Syarak dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan bertulis yang lain.

Dalam kes Rokiah binti Haji Abdul Jalil lwn Mohamed Idris bin Shamsuddin¹⁹, Hakim Bicara, Yang Arif Kadi Besar telah merujuk kepada kitab Kifāyat al-Akhyār yang bermaksud:

"*Mut'ah* ialah nama sejenis harta yang dibayar atau di bahagikan oleh suami kepada isteri yang diceraikannya..."

Oleh itu, setiap isteri yang diceraikan oleh suaminya tanpa sebarang alasan yang dibenarkan oleh Hukum Syarak, berhak menuntut *mut'ah* pada bila-bila masa sahaja selepas berlakunya perceraian.

Walau bagaimanapun, selain daripada melihat kepada Hukum Syarak dan undang-undang pokok, seseorang Hakim di Mahkamah Syariah juga hendaklah memastikan bahawa peraturan mengenai acara dipatuhi²⁰. Tuntutan hendaklah dilakukan terlebih dahulu oleh pemohon sama ada secara lisan ataupun secara bertulis (penyata tuntutan) di Mahkamah Syariah. Sekiranya tuntutan di buat secara lisan, Mahkamah hendaklah merekodkan butir-butir tuntutan itu dengan mengambilkira kehendak Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Kes-kes tersebut boleh dibawa oleh mereka yang terlibat seperti suami atau isteri ke Mahkamah sama ada menerusi peguam atau oleh mereka sendiri. Sebelum proses pendaftaran, pihak Pendaftar akan meneliti setiap kes yang didakwa supaya menepati peruntukan Akta Undang-Undang

Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Setelah aduan di buat, kenyataan pemohon atau pernyataan tuntutan akan difailkan di Mahkamah.

Bagi mereka yang tidak bekerja atau berpendapatan rendah, biasanya Hakim menasihati pemohon supaya mendapatkan khidmat nasihat dan perundingan daripada Jabatan Biro Guaman. Badan tersebut memainkan peranan untuk menyelesaikan semua masalah undang-undang dengan memberi nasihat serta perundingan bersama antara *plaintif* dan *defendan*. Sekiranya gagal secara perundingan, Biro ini boleh dengan permohonan pihak *plaintif*, membawa kes berkenaan ke Mahkamah Syariah. Sekiranya pemohon tidak berkeupayaan, dia boleh mendakwa melalui *ad litemnya* yang diluluskan dengan wajar oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, apa-apa prosiding yang di ambil mestilah tidak bertentangan dengan Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dan Hukum Syarak. Sekiranya berlawanan dengan Hukum Syarak, maka ia akan terbatal setakat ketidakselarasan itu dan jika terdapat apa-apa *lakuna* dalam Akta tersebut, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.²¹

Manakala, bagi pemohon yang terdiri daripada golongan berada atau berpendapatan tinggi, mereka akan mendapatkan nasihat dan khidmat perundingan daripada firma-firma guaman yang diiktiraf.

Pelantikan seseorang Peguam Syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya dan di terima oleh Peguam Syarie tersebut di hadapan Mahkamah atau Pendaftar. Sekiranya seorang Peguam Syarie telah menerima pelantikannya di bawah seksyen 34 (1) Akta Tatacara *Māī* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutan) 1998, dia hendaklah, sebelum mengambil apa-apa langkah dalam prosiding itu, memfailkan satu wakalah dalam borang MS 5. Melafazkan wakalah dihadapan Hakim adalah merupakan tuntutan syariah kerana dengan hanya mengisi borang, menandatangani kemudian memfailkannya tidak memadai²².

Dalam penyata tuntutan, *plaintif* atau pemohon hendaklah, di atas nasihat Peguam Syarie yang mewakilinya, mengemukakan alasan-alasan yang konkrit, mengapa tuntutan itu dibuat. Umpamanya, tuntutan dibuat kerana bekas suami enggan membayar wang *mut'ah* yang telah dipersetujui bersama di hadapan Hakim semasa prosiding perceraian dan sebagainya. Tuntutan tersebut mestilah mengandungi nama, alamat, keterangan mengenai kedua-dua pihak serta penyata ringkas mengenai tuntutan yang dibuat.

Setelah kes berkenaan didaftarkan, pihak Mahkamah akan mengirimkan penyata tuntutan tersebut kepada pihak *defendan* bersama-sama dengan surat saman supaya hadir ke Mahkamah untuk dijalankan perbicaraan pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Saman itu juga memberi amaran sekiranya dia tidak hadir maka pihak Mahkamah boleh membenarkan tuntutan tersebut. Setiap

saman hendaklah difailkan dalam tiga salinan dan suatu salinan tambahan hendaklah dikemukakan bagi tiap-tiap *defendan* tambahan.²³

Sebelum surat saman itu dikeluarkan, Pendaftar hendaklah memeriksa saman tersebut sama ada bentuknya sempurna atau tidak. Sekiranya tidak lengkap, Pendaftar boleh menolak atau mengarahkan supaya saman itu dipinda. Setelah saman itu dilengkapi, *Plaintif* hendaklah menjelaskan bayaran yang sepatutnya dan Pendaftar akan memberi satu nombor bersiri kepadanya. Setiap saman mestilah ditandatangani dan bermeteri Pendaftar Mahkamah tersebut.²⁴ Proses perbicaraan akan memakan masa lebih lama sekiranya tidak mendapat kerjasama yang baik antara semua pihak kerana kerap kali perbicaraan terpaksa ditangguhkan.

Penghantar saman akan menghantar penyata tuntutan dan surat saman tersebut kepada pihak *defendan* itu sendiri bagi memastikan ianya sampai. Selain itu, dia juga perlu menyediakan laporan mengenai setiap penyerahan tersebut. Setiap saman hendaklah sah pada mulanya selama dua belas bulan bermula dari tarikh pengeluarannya. Jika saman itu belum lagi disampaikan kepada *defendan* dalam tempoh yang dinyatakan, suatu permohonan boleh di buat di Mahkamah untuk melanjutkan kesahan saman itu sebelum tarikh habis tempoh saman itu atau mana-mana hari kemudian daripada itu, jika ada, sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah. Mahkamah boleh melalui

perintah melanjutkan tempoh kesahan saman itu dari semasa ke semasa selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan.

Sekiranya pihak *defendan* tidak ada, surat-surat tersebut akan diserahkan kepada ahli keluarganya yang ada di rumah atau kawan yang serumah dengannya atau kepada jiran yang berhampiran. Penyerahan saman boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa tetapi penyerahan selepas jam 4 petang lazimnya dianggap pada hari berikutnya.²⁵ Selain itu, ia juga boleh disampaikan kepada Peguam Syarie defendan yang telah memfailkan wakalah mengikut seksyen 34 kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta Tatacara *Māī* tersebut.

Setelah surat saman dan penyata tuntutan telah diserahkan oleh penghantar saman kepada pihak *defendan*, maka terpulanglah kepada beliau sama ada hendak membuat pembelaan atau tidak. Pembelaan boleh dibuat sama ada secara lisan atau bertulis dan ia akan di dengar semasa perbicaraan pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam surat saman. Sekiranya *defendan* ingin mempertikaikan tanggungannya bagi keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana tuntutan dalam tindakan itu boleh pada bila-bila masa sebelum hari kehadiran, menyampaikan kepada *plaintif* suatu pembelaan atau hadir pada hari kehadiran dan mempertikaikan tuntutan *plaintif*. Mahkamah boleh memerintahkannya supaya menyampaikan suatu pembelaan dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkannya. Tiap-tiap pembelaan hendaklah

ditandatangani oleh *defendan* atau Peguam Syarienya dan hendaklah sama ada mengaku atau menafikan tiap-tiap pengataan fakta yang *matan* dalam pernyataan tuntutan (penafian tidak boleh berbentuk mengelak tetapi hendaklah menjawab perkara isi), menyatakan dengan ringkas apa-apa fakta yang dijadikan sandaran oleh *defendan* sebagai pembelaan dan membangkitkan dengan ringkas apa-apa perkara undang-undang yang perlu.²⁶

Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir yang sama seperti pernyataan tuntutan dan hendaklah ditandatangani oleh *defendan* atau Peguam Syarienya. *Plaintif* pula, jika dia berhasrat hendak membuat pembelaan terhadap tuntutan balas itu, memfailkan dan menyebabkan disampaikan kepada defendan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkan oleh Mahkamah.

Defendan boleh membayar wang ke dalam Mahkamah sebagai penyelesaian tuntutan atau mana-mana bahagian tuntutan itu dan boleh juga membayar ke dalam Mahkamah sejumlah wang berkenaan dengan kos. Walau bagaimanapun, dia hendaklah memberikan notis kepada *plaintif* mengenai pembayaran ke dalam Mahkamah itu. Jika bayaran yang di buat itu kurang daripada amaun yang di tuntutan, *plaintif* boleh meneruskan tindakan berkenaan dengan bahagian yang lain. Selain daripada pembayaran wang, *plaintif* boleh meneruskan tindakannya untuk mendapatkan *relief* yang lain walaupun apa-apa wang telah di bayar daripada Mahkamah kepadanya.

Pliding (surat guaman) merupakan suratan-suratan formal antara *plaintif* dan *defendan* sebelum sesuatu tindakan di dengar di Mahkamah. *Pliding* yang biasa bermula dengan penyata tuntutan yang ditandatangani oleh *plaintif* atau Peguam Syarienya. Ianya mengandungi kenyataan tuntutan, pembelaan dan jawapan. Kenyataan tuntutan mengandungi kenyataan ringkas tentang perkara-perkara mustahak dan penting yang menjadi alasan kepada tuntutan yang dibuat. Pada mana-mana peringkat prosiding, Mahkamah boleh membenarkan *plaintif* meminda samannya atau mana-mana pihak meminda *plidingnya* atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya yang dirasakan adil. Sesuatu pindaan hendaklah di buat dengan memfailkan suatu salinan bersih dokumen yang dipinda dan hendaklah menyampaikan suatu salinan dokumen yang di pinda itu kepada pihak *defendan* atau sebaliknya.²⁷

Defendan pula boleh membuat pembelaan terhadap tuntutan yang dibuat dalam kenyataan tuntutan sama ada mengaku atau menafikan tuduhan yang dibuat, menyatakan dengan ringkas lagi padat apa-apa fakta baru yang dijadikan sandaran oleh *defendan* sebagai pembelaan dan membangkitkan dengan ringkas lagi padat dan tanpa hujah apa-apa perkara undang-undang yang perlu. Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir yang sama seperti pernyataan tuntutan dan hendaklah ditandatangani oleh *defendan* atau peguamnya. Kemudian, *plaintif* hendaklah hendaklah membuat pembelaan

terhadap tuntutan balas itu, memfail dan menyebabkan disampaikan kepada *defendan* suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam tempoh masa yang diarahkan oleh Mahkamah. Jika mana-mana *pliding* tidak mengandungi butir-butir yang mencukupi, Mahkamah boleh memerintahkan pihak yang bertanggungjawab supaya memfailkan dan menyebabkan disampaikan butir-butir lanjut dan jelas, dan boleh menggantung semua prosiding sehingga perintah itu dipatuhi. ²⁸

Setelah *pliding* tamat, penzahiran dilakukan untuk mendapatkan keterangan mengenai fakta-fakta kes lawan sama ada menyatakan dengan bersumpah, secara lisan atau dengan afidavit dengan meminta dokumen-dokumen yang berkaitan dan juga dengan mengemukakan soalan-soalan bagi maksud untuk menguatkan keterangan kes masing-masing.

Tujuan diambil catatan tersebut adalah untuk dijadikan sebagai bukti persetujuan mereka dan juga sebagai bukti kes sekiranya timbul sebarang masalah di kemudian hari seperti dakwaan suami enggan membayar *mut'ah* atau tidak membayar berdasarkan kadar yang telah dipersetujui. Catatan tersebut juga turut di buat dalam surat perakuan cerai.

4.4.3 PERBICARAAN

Sekiranya semasa mengisi borang permohonan untuk perceraian, pihak isteri tidak bersetuju dengan kadar *mut'ah* yang diperuntukkan atau bekas suami tidak bersetuju dengan kadar *mut'ah* yang dituntut, maka mereka bolehlah memfailkan kes tersebut di Mahkamah untuk perbicaraan. Hakim akan menentukan kadar *mut'ah* mengikut ijtihadnya. Dalam kes Rahaniah lwn Haji Ujang²⁹, Hakim Bicara telah merujuk kepada kitab Mughnī al-Muhtāj yang bermaksud:

"Maka apabila bertelingkah keduanya tentang kadar, Kadi hendaklah menentukannya mengikut budi bicaranya dan mengambikira apa yang sesuai dengan keadaan kedua-duanya dan keturunan perempuan dan sifatnya."

Berdasarkan kenyataan di atas, antara faktor-faktor yang diambilkira dalam ijtihad Hakim ialah dengan mengambilkira keadaan kewangan dan harta suami serta status bekas isteri dalam masyarakat. Apabila kadar *mut'ah* telah ditetapkan oleh Hakim, ianya tidak boleh dipertikaikan lagi. Tindakan undang-undang sebagaimana yang termaktub di dalam Akta boleh diambil sekiranya ketetapan Hakim itu diingkari.³⁰

Di dalam kes suami ingkar membayar *mut'ah* sebagaimana yang telah dipersetujui bersama dan tercatat di dalam borang permohonan untuk perceraian

(Ruangan No. 10) atau kadar yang diputuskan oleh Mahkamah atau tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dari segi pembayarannya, pemohon (isteri atau wakilnya) hendaklah membuat aduan ke Mahkamah dengan mengemukakan surat akuan cerai.

Apabila sabit dengan kesalahan, Mahkamah boleh mengeluarkan perintah supaya pihak *defendan* mematuhi keputusan yang telah dipersetujui atau keputusan yang ditetapkan oleh Mahkamah. Selain itu, Mahkamah berkuasa memerintahkan supaya tahanan pendapatan tenaga ke atas pihak *defendan* oleh pihak Majikan pekerja atau bekerja sendiri seperti berniaga dan sebagainya, Mahkamah berkuasa mengeluarkan perintah supaya diambil harta pihak *defendan* senilai dengan kadar bayaran *mut'ah* yang telah dipersetujui atau yang telah ditetapkan oleh Hakim. Cara yang lain ialah Mahkamah boleh membuat perintah bagi pembayaran *mut'ah* secara ansuran dalam sesuatu bulan tertentu. Ansuran itu mestilah di bayar pada hari pertama dalam bulan yang berikutnya dan pada hari pertama dalam setiap bulan yang berturutan.melaksanakan cagaran terhadap harta yang dimiliki oleh *defendan*.³¹

Mahkamah juga boleh mengeluarkan perintah bahawa *defendan* telah membuat kecuaiian dengan sengaja untuk tidak mematuhi perintah. Mengikut seksyen 132 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seseorang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah yang telah membuat perintah itu dengan sengaja, Mahkamah boleh, jika perintah

sedemikian menghendaki pembayaran apa-apa amaun, menyarankan amaun yang kena bayar itu diberi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang melalui denda yang dikenakan oleh mahkamah atau boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan jika perintah pembayaran tiap-tiap bulan masih belum dibayar atau dalam mana-mana hal yang lain.

Seterusnya, Mahkamah boleh, jika perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) menetapkan bagi pembayaran dibuat secara bulanan, menghukum orang yang dengan sengaja gagal mematuhi dengan di penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran yang masih belum dibayar dan dalam mana-mana hal lain, menghukum orang yang dengan sengaja gagal mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dengan dipenjarakan tidak melebihi setahun bagi mana-mana pembayaran yang masih belum di bayar

Semasa perbicaraan, Mahkamah boleh meminta apa-apa keterangan yang difikirkan mustahak sama ada daripada pihak *plaintif* dan pihak *defendan*. Perbicaraan akan dibatalkan dan dibuang kes sekiranya pihak *plaintif* tidak hadir pada masa tersebut.³² Sekiranya pihak *defendan* tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya. Walau bagaimanapun, untuk perbicaraan kali pertama, Hakim biasanya akan menangguhkannya dan akan mengeluarkan saman kali kedua untuk perbicaraan selanjutnya.

Jika pihak *defendan* tidak hadir juga setelah surat saman di hantar untuk kali yang seterusnya, maka dia telah melakukan suatu kesalahan dan boleh didakwa kerana menghina mahkamah. Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi 6 bulan³³.

Tetapi, sekiranya *plaintif* menarik balik tuntutan sebelum dijatuhkan hukuman dengan kebenaran Mahkamah, maka kes itu dianggap telah selesai. Di dalam hal ini, *plaintif* terpaksa menanggung kos perbicaraan dan kes ini tidak boleh lagi di bawa ke Mahkamah dan defendan berhak mendapat kos *prosiding* itu.³⁴ Selain itu, pihak-pihak dalam apa-apa *prosiding* boleh mengadakan *ṣulḥ* untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau jika tiada kaedah sedemikian, ia boleh di buat mengikut Hukum Syarak.³⁵

Sekiranya Hakim mendapati bahawa mana-mana *prosiding* di dalam Mahkamah itu adalah lebih senang atau adil dibicarakan di dalam Mahkamah yang lain, maka dia boleh memerintahkan supaya prosiding itu dipindahkan ke Mahkamah yang lain. Walau bagaimanapun, perbicaraan hendaklah diadakan dalam Mahkamah terbuka. Apa-apa fakta yang dikehendaki hendaklah dibuktikan dengan memeriksa pihak-pihak atau saksi-saksi itu secara lisan. Semasa perbicaraan, *plaintif* atau wakilnya berhak membuka kes dan mengemukakan keterangan sebelum disusuli oleh pihak *defendan*. Pihak *plaintif* dibenarkan memulakan perbicaraan dan Mahkamah mengemukakan keterangan

perbicaraan. Mahkamah boleh memerintah untuk memanggil saksi-saksi bagi mengemukakan keterangan untuk kepentingan keadilan. Pemeriksaan pada mana-mana tempat atau barang-barang boleh juga dilakukan.³⁶ Selain itu, Mahkamah boleh, pada masa atau sebelum perbicaraan apa-apa prosiding, memerintahkan supaya affidavit mana-mana saksi dibacakan pada perbicaraan itu sekiranya difikirkan munasabah.

Mahkamah hendaklah mengikut peraturan Hukum Syarak berhubung dengan kedudukan dan bilangan saksi dalam setiap perbicaraan atau keterangan yang diberi. Selain daripada keterangan biasa oleh setiap saksi, Mahkamah boleh juga mengambil keterangan dengan pengakuan bukan sumpah, contohnya:

“Bahawa saya Polan bin Polan dengan sesungguhnya dan dengan suci hati mengaku perkara yang hendak saya sebut di dalam perbicaraan ini semuanya benar tidaklah apa-apa yang tidak benar melainkan yang benar belaka”.

Seseorang saksi tidak boleh dipaksa hadir berdasarkan sesuatu *sepina* melainkan jika sejumlah wang yang munasabah telah ditawarkan kepadanya untuk menampung perbelanjaannya pergi, berada dan balik dari Mahkamah.³⁷ *Sepina* hendaklah disampaikan kepada diri saksi dan penyampaian itu hendaklah dilaksanakan dalam masa dua belas minggu selepas tarikh *sepina* itu dikeluarkan. Saksi-saksi tersebut akan di periksa oleh pihak *plaintif* dengan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan, kemudian saksi-saksi tersebut di

periksa balas oleh pihak *defendan* bertujuan untuk menentukan sama ada saksi-saksi tersebut boleh dipercayai atau tidak.

Setelah saksi-saksi *plaintif* memberi keterangan tentang apa yang disoal di Mahkamah, *defendan* boleh membuat pembelaan dirinya dengan mengemukakan keterangan bagi menjawab tuntutan *plaintif*. Hakim hendaklah merekod keterangan yang dikemukakan. *Defendan* juga boleh mengambil saksi-saksi bagi pihaknya dan dia berhak memberi keterangan pembelaan dalam perbicaraan itu bagi pihak dirinya dan *plaintif* pula berhak menjawab terhadap keterangan tersebut³⁸. Selepas selesai memberikan keterangan masing-masing, kes tersebut di tutup dengan menggulung hujah. Setiap pihak berhak menggulung kesnya. Di sini, pihak *defendan* yang memulakan dahulu dan diikuti oleh pihak *plaintif* yang menggulung serta menjawab keseluruhan kes.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Mahkamah hendaklah membuat kesimpulan dan menerangkan undang-undang serta semua butir-butir perbicaraan. Kemudian, Hakim membuat perintah sabitan mengikut undang-undang. Hukuman hendaklah dikenakan di Mahkamah terbuka secara lisan oleh Hakim atau Pendaftar. Hukuman tersebut ditulis serta ditandatangani dan difailkan. Selain itu, tiap-tiap penghakiman atau perintah hendaklah ditarik dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh penghakiman itu di buat.³⁹

4.4.4 RAYUAN

Sekiranya salah satu pihak dalam perbicaraan tersebut tidak berpuashati terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah kes tersebut boleh dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi Syariah atau di Mahkamah Rayuan Syariah setelah dibuat permohonan. Sesuatu rayuan hendaklah di buat dengan memberikan notis rayuan dalam borang MS 29 dan rayuan boleh di buat terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada sesuatu keputusan.

Permohonan rayuan hendaklah di buat dalam masa empat belas hari selepas Mahkamah menjatuhkan hukuman. Notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan itu atau kepada Peguam Syarie mereka masing-masing. Manakala, seseorang *responden* dalam mana-mana rayuan boleh, dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis rayuan itu kepadanya, memfailkan di Mahkamah dan menyampaikan kepada perayu notis dalam borang MS 31 tentang cadangannya untuk mengemukakan hujah.

Perayu hendaklah mengemukakan alasan rayuan dalam lima salinan kepada Pendaftar Mahkamah dengan memberikan notis rayuan dalam Borang MS 29⁴⁰. Ia hendaklah dialamatkan kepada Jawatankuasa Ulang bicara dengan

menyatakan butir-butir keputusan yang telah dinyatakan dalam hukuman terdahulu. Dengan disertakan yuran permohonan perbicaraan, rayuan dibuat dengan menyatakan sebab-sebab rayuan sama ada tentang sabit kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali. Notis rayuan hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari dari hari keputusan itu diumumkan.⁴¹

Mahkamah akan merekodkan rayuan tersebut serta mengemukakan kepada Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah mengenai rekod-rekod berikut, iaitu *pliding*, nota keterangan, alasan penghakiman, notis rayuan, alasan rayuan, semua *ekshibit dokumentar* dan senarai *ekshibit* bukan *dokumentar*, jika ada, yang di serah simpan di Mahkamah. Pendaftar Mahkamah akan menyerahkan segala dokumen itu kepada Jawatankuasa Ulang Bicara. Jawatankuasa tersebut akan menetapkan tarikh perbicaraan dan tempat rayuan itu akan didengar. Semasa perbicaraan, jawatankuasa akan mendengar hujah perayu, jika perlu hujah *responden* juga di dengar sebelum Jawatankuasa ulangbicara membuat keputusan.⁴²

Seksyen 46(A), Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor, 1952 (No. 3 Tahun 1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syara') 1974 ada memperuntukkan:

Di dalam mana-mana Ulangbicara, Jawatankuasa Ulangbicara boleh:

- (a) Di dalam perkara jenayah, batalkan pendapat yang salah, batalkan atau kurangkan hukuman atau perintahkan dibicarakan semula.
- (b) Di dalam perkara *Māi* (Sivil), tetapkan, dibalikkan atau diubah hukuman yang membicarakan boleh menjalankan membuat perintahan sebagai Mahkamah yang membicarakan patut sudah membuatnya atau pun perintahkan dibicarakan semula.

Mengenai kes-kes *Māi* yang hendak di buat rayuan, terdapat beberapa peraturan tertentu yang telah ditetapkan dan perlu diikuti, iaitu rayuan di buat oleh seseorang yang tidak puashati dengan hukuman. Rayuan ini hanya diterima jika nilai perkara yang dituntut tidak kurang daripada RM150/- (Satu Ratus Lima Puluh Sahaja), rayuan di buat oleh seseorang *defendan* atau *plaintif* yang menuntut dalam kes *Māi* (Sivil) yang tidak berpuas hati terhadap hukuman yang dikenakan kepadanya, rayuan terhadap segala perkara yang berkaitan dengan nafkah tanggungan oleh seseorang yang tidak berpuashati di atas hukuman. Tetapi ulangbicara ini tiada boleh dibuat di atas hukuman yang telah dijatuhkan dengan persetujuannya sendiri dan di dalam lain-lain perkara, jika dibenarkan oleh Jawatankuasa Ulangbicara.

Pemfailan sesuatu notis rayuan tidaklah berkuatkuasa sebagai penggantung pelaksanaan, tetapi Mahkamah boleh menggantung

pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut. Mahkamah hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis dan Mahkamah itu juga hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukkan sebagaimana yang termaktub dalam Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Dalam kes Ninggal @ Yang Chik Iwn Jamal bin Abdul Rahim¹³, plaintif telah menuntut *mut'ah* sebanyak RM25,000.00. Walau bagaimanapun, Hakim Bicara telah mewajibkan ke atas *defendan* hanya RM3,600.00 sahaja tetapi tidak dipersetujui beliau. Oleh itu, Kes ini telah di bawa ke Mahkamah Rayuan tetapi Jawatankuasa Mahkamah Rayuan turut mengekal dan mengesahkan keputusan penghakiman tersebut.

4.5 KESIMPULAN

Walaupun peruntukan mengenai *mut'ah* ada dinyatakan dalam Hukum Syarak, tetapi tuntutan ke atasnya mestilah di buat berdasarkan peraturan sebagaimana yang termaktub di dalam statut. Dalam konteks Wilayah Persekutuan, undang-undang yang perlu diikuti itu ialah Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutan) 1998 (Akta 585).

Akta tersebut di gubal adalah bertujuan untuk melicin dan memperkemaskan lagi pentadbiran undang-undang mengenai kes-kes *mā'* di Mahkamah Syariah. Sehubungan dengan itu, ia secara tidak langsung bertujuan

untuk menegakkan keadilan dan mengelakkan kezaliman seperti mana yang dikehendaki oleh Islam.

Walau bagaimanapun, jika diperhatikan dengan teliti, mungkin timbul beberapa masalah khususnya mengenai *mut'ah* dan tuntutan *mā'* yang lain umumnya berdasarkan beberapa peruntukan yang terdapat dalam Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 ini. Peruntukan-peruntukan tersebut ialah dalam Bahagian VI, Bab 2, iaitu penyampaian di luar bidangkuasa, Bahagian XII, iaitu pemindahan *prosiding* kepada dan daripada Mahkamah lain, dan Bahagian XVIII, Bab 4, iaitu peruntukan khas berhubungan dengan saman penghutang penghakiman. Masalah-masalah ini timbul kerana Mahkamah Syariah adalah terhad bidangkuasanya di dalam sesebuah negeri sahaja. Tetapi, masalah ini dijangka selesai setelah penyeragaman pentadbiran Mahkamah Syariah di semua negeri di bawah kerajaan pusat di buat.

Nota Hujung

- ¹ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones, *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hal. 54
- ² Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985, Seksyen 49. Lihat juga Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Terengganu (Pindaan) 1985, Seksyen 46.
- ³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1983, Seksyen 71
- ⁴ Ibid., Seksyen 78.
- ⁵ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 2 (1).
- ⁶ Kes Māl No. 4 Tahun 1990, Mahkamah Tinggi Syariah, Wilayah Persekutuan.
- ⁷ Ahmad bin Ibrahim, *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jilid XII, Bahagian 1, 1998, hal. 12-13. Lihat juga Nik Noriani Nik Badli Shah, *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1998, hal.135.
- ⁸ (1978) 1 JH 63.
- ⁹ Syeikh Ghazali Hj. Abd. Rahman et. al. *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1997, hal.42.
- ¹⁰ (1979) 1 JH 91.
- ¹¹ Op.cit
- ¹² Akta Tatacara Māl Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, seksyen 2.
- ¹³ Ibid, seksyen 5.
- ¹⁴ Ibid, seksyen 7 (1) dan (2).
- ¹⁵ Ibid, seksyen 15.
- ¹⁶ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 47 (1).
- ¹⁷ Ahmad bin Mohamed Ibrahim. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, 1997, hal. 200.
- ¹⁸ Kes Mal Bil. 29 Tahun 1984, Mahkamah Tinggi Syariah, Wilayah Persekutuan.
- ¹⁹ Ahmad bin Mohamed Ibrahim, op.cit, hal. 193.
- ²⁰ Akta Tatacara Māl Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, seksyen 245 (1) dan (2).
- ²¹ Ahmad bin Mohamed Ibrahim, op.cit, hal. 199.
- ²² Ibid, seksyen 9.
- ²³ Ibid, seksyen 10.
- ²⁴ Ibid, seksyen 46 (1) dan (2).
- ²⁵ Ibid, seksyen 64 dan 65.
- ²⁶ Ibid, seksyen 80 dan 83.
- ²⁷ Ibid, seksyen 70.
- ²⁸ (1983) 4 JH 270.
- ²⁹ Ibid, seksyen 229.
- ³⁰ Ibid, seksyen 133.
- ³¹ Ibid, seksyen 121 (1).
- ³² Ibid, seksyen 229 (1).
- ³³ Ibid, seksyen 95 (2)
- ³⁴ Ibid, seksyen 99
- ³⁵ Ibid, seksyen 127.
- ³⁶ Ibid, seksyen 110.
- ³⁷ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones, op.cit, hal.57 dan 66.
- ³⁸ Akta Tatacara Māl Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, seksyen 136.
- ³⁹ Lihat pada lampiran.

⁴¹ Akta Tatacara maīl Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, seksyen 139 (3) dan (4).

⁴² Ahmad Ibrahim dan Ahlemah Joned, op.cit.

⁴³ (1986) 6 JH 146